

# PM akan rasmi bandar baru Jerantut hari ini

**JERANTUT, Khamis.** — Lebih 30,000 orang dijangka berkumpul di Bandar Baru di sini, untuk mendengar amanat penting Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad esok.

Belliau dijadualkan tiba dengan helikopter di Padang Besar jam 2.30 petang dan akan berkereta di kawasan Bandar Baru, di sambut dengan permaidani merah untuk melancarkan perasmian Bandar Baru itu.

Para pemerhati politik di sini, berpendapat kehadiran Datuk Dr. Mahathir, yang juga Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri Pahang memang ditunggu-tunggu.

Belliau dijangka akan memberi amanat mengenai pembangunan serta keadaan politik Negeri Pahang, khususnya di Jerantut sendiri, di samping memberi pe-rangsang kepada calon-calon Barisan Nasional

yang akan bertanding dalam pilihanraya nanti.

Kebanyakan mereka yang akan berkumpul di kawasan Bandar Baru Jerantut esok, ahli-ahli parti Barisan Nasional dari seluruh Pahang.

Pada sebelah pagi, Datuk Sri Dr. Mahathir akan merasmikan pembukaan Kuantan By-pass di Kuantan sebelum menemui anggota-anggota jentera pilihanraya di kediaman Menteri Besar.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia